

13 SEP 2003

DR MAHATHIR-DANA/I

M'SIA AKAN KUMPUL DANA DALAM NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Malaysia berhasrat mengumpul dana bagi projek-projeknya dari dalam negara dan tidak akan mencari pembiayaan di luar negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kita akan mengumpul dana...kita perlu mempunyai wang...kita akan mengumpulnya dalam negara kerana seperti apa yang sering saya perkatakan kita akan mendapatkan wang itu (dalam negara)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata sebagai contohnya, negara mempunyai tunai lebih RM200 bilion dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan KWSP perlu melabur untuk memperolehi lebih banyak pulangan.

"Ini adalah tunai yang kerajaan berhasrat untuk gunakan," katanya.

Kerajaan, katanya, akan memberikan KWSP pulangan berjamin bagi tunainya dan (ini lebih baik) bagi KWSP daripada hanya menyimpan tunai pencarumnya.

Beliau berkata meskipun kerajaan tidak memutuskan jumlah yang akan dikumpul, ianya dijangka sekitar RM2 bilion dan kesemua wang datang daripada pemberi pinjaman dalam negeri.

"Kita akan lihat apa yang diperlukan," kata Dr Mahathir.

Mengenai bonus bagi kakitangan kerajaan yang akan dibayar secara berperingkat, beliau menjelaskan jumlahnya adalah bagi setengah bulan dan tiada jumlah minimum bagi pembayaran bonus. -- BERNAMA

SR MAD SHY ZK